

GURU NOVIS NOVICE TEACHERS

DR ZAINUDIN BIN HASSAN



GURU?

- Guru merupakan golongan manusia, dan boleh mempengaruhi perkembangan personaliti, mental, dan fizikal setiap manusia. Peranan guru sebagai seorang pengurus, pendidik, penyelia, kaunselor, penyelidik, dan penilai di sekolah perlu mempunyai sifat-sifat peribadi yang berkualiti. Kualiti peribadi ini termasuklah sifat mesra, adil, tegas, berdidikasi, berwibawa dan bertoleransi. (Abd. Kadir Hj. Abd.Wahab 2001)

Seseorang guru yang dilantik oleh Kementerian Pendidikan Malaysia atau Jabatan Pendidikan Negeri adalah untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi pendidikan peringkat rendah, menengah, dan tinggi. Konsep ini termasuklah juga guru terlatih yang bertugas dalam sesebuah institusi pendidikan dan penyeliaan penyelidikan. (Jemah Nazir Persekutuan 1993)

GURU NOVIS

- Guru baru yang terlatih lepasan maktab/universiti yang berkhidmat antara 1-3 tahun dalam tempoh percubaan dan belum disahkan dalam jawatan masing-masing dan dalam lingkungan umur 25-30 tahun. (Mazni Ambak @ Ahmad 2000)

Proses Sosialisasi Guru Novis

Proses sosialisasi guru novis adalah bermula dari satu tempoh percubaan di antara satu hingga tiga tahun sebelum disahkan ke dalam jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPPS) DG 41 atau (PPLD) DG 29. Guru novis menghadapi pelbagai bentuk cabaran.

- Proses sosialisasi adalah merupakan salah satu bentuk cabaran kepada guru novis. Proses sosialisasi ini begitu penting kepada guru novis kerana dengan melalui proses inilah mereka mampu mempelajari bagaimana untuk menjadi seorang pendidik yang baik di sekolah.

Sosialisasi Praperkhidmatan

Semasa di kolej atau di universiti guru novis telah mengalami proses sosialisasi semasa mengikuti kursus perguruan. Zeichner dan Gore (1990) membahagikan tiga komponen utama pendidikan guru iaitu;

1. Kursus pendidikan dan pengkhususan akademik yang diperolehi di luar jabatan dan kolej pendidikan.
2. Kursus kaedah dan asas yang dihadiri dalam kolej pendidikan.
3. Pengalaman mengajar lapangan.

Kajian lepas mendapati bahawa pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperolehi melalui kursus asas dan pendidikan mempunyai pengaruh yang sedikit ke atas tindakan guru. Guru menganggap latihan perguruan membosankan, tidak menepati kehendak dan membuang masa dan menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam konteks pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah.

Sosialisasi Semasa Latihan

- Pengalaman yang diperolehi oleh guru novis semasa latihan mengajar mempunyai pengaruh yang kuat. Peruntukan masa 8 hingga 12 minggu memberikan mereka peluang mempelajari sebanyak mungkin pengalaman untuk tujuan membiasakan diri apabila mereka ditempatkan di sekolah kelak.
- Guru novis perlu memanfaatkan segala pengetahuan, kemahiran, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar sebagai satu perkara yang paling utama dan berharga agar dapat mengaplikasikan dalam menyesuaikan diri dalam kerjaya perguruan sebenar.

Agen sosialisasi

- Sungguhpun begitu terdapat banyak lagi agen yang mempengaruhi sosialisasi guru novis. Pentadbir sekolah, pengetua, rakan sekerja, guru pembimbing dan pelajar adalah agen paling rapat di tempat kerja. Pentadbir akan memberi impak kepada tugas-tugas pengajaran, jadual waktu serta tugas yang bukan pengajaran seperti menjaga keselamatan pelajar dan sekolah (Bullough et al. 1987). Pengetua mempengaruhi guru novis dari segi polisi sekolah yang memberi kesan ke atas iklim kerja di sekolah (Wildman et al. 1989).
- Sokongan dan kolaborasi dalam membantu guru novis untuk 'survive' dalam sistem sekolah dipengaruhi oleh peranan rakan sekerja. Ini termasuklah memberi sokongan emosi yang dapat mengurangkan ketidaktentuan dan tahap tekanan mereka (Grant & Zeichner, 1981). Sementara guru pembimbing pula memberi sumbangan berbentuk maklum balas serta penilaian dengan memberi peluang kepada guru novis mencerap pengajaran mereka. Pelajar pula mempengaruhi golongan guru novis ini dari segi kaedah mengajar termasuklah tingkah laku mengajar dalam bilik darjah seperti aktiviti menyoal dan memberi maklum balas kepada pelajar (Huffman & Leak, 1986).

Kajian-kajian Lepas

- Beberapa kajian tentang guru novis telah dijalankan di Malaysia. Antaranya ialah kajian oleh Ng Poo Seong (1995) di daerah Muar Johor, mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru novis di sekolah menengah ialah masalah disiplin di dalam bilik darjah. Kajiannya juga mendapati bahawa guru novis ini mendapat bantuan yang sedikit daripada sistem sekolah bagi membolehkan mereka memenuhi keperluan sosialisasi.
- Kajian Mazni (2000) pula mendapati bahawa terdapat 63 orang guru novis di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menunjukkan bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru novis adalah untuk mengenakan tindakan dan pengawalan disiplin pelajar serta mengurus bilik darjah.

Kajian-kajian Lepas

- Jamali (1993) dalam kajiannya 'Masalah Guru Permulaan Dalam Bidang Kokurikulum Di Sekolah' menunjukkan bahawa guru lepasan Maktab Perguruan Kinta, Ipoh yang mengajar di sekolah rendah menghadapi masalah yang paling utama ialah dalam "Rumpun Aktiviti Kokurikulum" diikuti dengan keperibadian murid, teknik pelaksanaan kokurikulum, alatan yang digunakan dan pengurusan kelas.
- Kajian Mohd Nasir (1994) pula mendapati guru novis di sekolah rendah di Negeri Sembilan menghadapi masalah yang paling utama iaitu keperibadian murid, diikuti dengan kegiatan kokurikulum, kaedah pengajaran, pengurusan bilik darjah dan bahan pengajaran. Kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan masalah antara guru novis lelaki dengan guru novis wanita.

Kajian-kajian Lepas

- Kajian oleh Tan Hui Leng (2005), mendapati bahawa kebanyakan guru novis dibiarkan mencari sendiri pembimbing yang sudi membantu mereka. Guru novis kerap kali dibiarkan sehingga mereka 'sink or swim' (Renard 2003) dan ia mengakibatkan berlakunya keruntuhan moral di kalangan guru novis. Bagi mengatasi masalah tersebut, Feimen- Nemser (2003) telah mencadangkan program induksi untuk guru novis sebagai suatu proses pembudayaan (enculturation).
- Fester (2002) dan Wesley (2003) pula mencadangkan supaya diwujudkan sistem mentor semasa induksi. Stansbury dan Zimmerman (2002) berpendapat bahawa program induksi merupakan talian hayat (life line) bagi guru novis di sekolah. Program induksi ini dimulakan untuk membantu, membimbing dan memotivasi guru-guru novis untuk memulakan kerjaya dalam bidang perguruan. Program induksi boleh dijalankan sebagai usaha sama antara pihak sekolah dan universiti.

Kajian-kajian Lepas

- Banyak kajian memberi bukti yang pelajar-pelajar semasa mereka dalam latihan perguruan mempunyai sikap ideal, progratif atau liberal terhadap pendidikan (Hussein 1992). Apabila mereka menceburkan diri sebagai guru (novis), sikap mereka berubah menjadi tradisional dan konservatif atau terlalu mengawal (Hoy 1969 dalam Hussien 1992).
- Kajian Adam (1982) cuba melihat perubahan persepsi dan tingkah laku guru novis. Beliau menyimpulkan bahawa perhatian guru novis terhadap aspek pentadbiran dan perhubungan dengan ibu bapa pelajar meningkat setelah beberapa tahun mengajar. Begitupun Adam (1982) mendapati bahawa masalah disiplin dan memotivasiikan pelajar masih kekal sebagai masalah paling tinggi dalam jangkamasa lima tahun pertama tahun mengajar.

Isu Pengurusan Guru Novis

1. Ketidakmampuan Mengatur Diri

Guru novis adalah juga seorang pengurus dan jika tidak memanfaatkan waktu, tenaga, dan ketrampilan sebaik-baiknya tidak mampu menghadapi tekanan, cabaran serta desakan tugas, tanggugjawab sebagai seorang pengurus pelajar, dikatakan terhambat oleh ketidakmampuan mengatur diri sendiri.

2. Matlamat Peribadi Yang Tidak Jelas

- Menentukan perjalanan hidup profesional dan peribadi dengan menilai keinginan dan pilihan ke atas semua kemungkinan, termasuk cita-cita (yang mustahil, atau tidak sesuai). Kerap kali kurang timbangkan alternatif, lalaikan pilihan penting sedangkan hal-hal kecil dan remeh menghabiskan waktu dan tenaga. Orang seperti ini sukar mencapai keberhasilan dan gagal memuji keberhasilan orang lain kerana terhambat oleh cita-cita peribadi yang tidak jelas.

3. Nilai-nilai Peribadi Yang Tidak Jelas

- Guru novis diharapkan mengambil keputusan berdasarkan nilai dan prinsip. Kalau nilai peribadinya tidak cukup jelas, tiada landasan yang kuat membuat penilaian, ia akan dipandang lemah. Nilai yang konsisten dengan konsep pengurusan kini menekankan pada daya kegunaan, menyedari potensi manusia dan dengan mengembangkan keterbukaan terhadap pembaharuan. Pengurus (guru novis) yang tidak jelas, tidak konsisten akan keyakinan dasar atau nilainya tidak sesuai lagi, terhambat oleh niali-nilai pribadi yang tidak jelas.

4. Perkembangan Peribadi Yang Kerdil

- Ramai guru novis mencapai perkembangan peribadi tapi ramai pula yang gagal bertindak mengatasikan kelemahan mereka dan berusaha agar peribadinya berkembang. Cabaran selalu dihindari, kemampuan dibiarkan tidak berkembang, tiada lagi keghairahan yang wajar, dan kehidupan bekerja jadi hal rutin kerana risiko selalu dihindari dan lebih suka berasa aman, dan guru jenis ini terhambat oleh perkembangan peribadi yang kerdil.

5. Kemampuan Yang Tidak Memadai Untuk Menyelesaikan Masalah

-

Menyelesaikan persoalan (masalah) adalah satu ketrampilan pengurusan yang utama. Guru novis tidak dapat menyelesaikan pekerjaan secara berkaedah dan menjimatkan dan sering menghadapi kesulitan memimpin mesyuarat, menentukan sasaran, menangani maklumat, merancang dan menilai. Oleh sebab permasalahan tidak diselesaikan dengan cepat dan tegas, permasalahan tersebut akan bertambah (semakin kusut) serta menganggu jiwa dan tindakan guru novis, yang terhambat oleh kemampuan yang tidak memadai untuk menyelesaikan masalah.

6. Kreativiti Rendah

-

Guru novis yang rendah kreativitinya tentu akan lemah dalam memulakan gagasan, mengajak orang bekerja secara kreatif, serta melaksanakan pendekatan baru. Kreativiti tinggi menuntut kesediaan menghadapi kemunduran dan kegagalan secara konstruktif. Oleh itu pengurusan yang enggan melakukan percubaan, mengambil risiko, atau mengusahakan tindakan kreatif dalam menghadapi kegagalan terhambat oleh daya kreativiti yang rendah.

7. Wibawa Rendah

-

Guru novis harus selalu berwibawa terhadap orang lain yang tidak langsung bertanggungjawab padanya. Ramai guru novis tidak berwibawa bagi meminta orang bersedia bekerjasama atau membantunya, dan kerana itu gagal menemukan sumber yang perlu untuk hasil yang baik. Guru novis yang tidak menunjukkan kemampuannya tidak akan melakukan hubungan dengan orang lain dan penampilan diri serta kemampuan mendengarnya lemah, mereka ini terhambat sebab dia berasa tidak disegani orang.

8. Tidak Memahami Pemahaman Pengurusan

-

Guru novis yang tidak berfikir dan timbangkan akibat tindakan pengurusannya, tidak akan dapat hubungan yang bererti daripada orang lain. Guru yang tidak boleh meneliti pendekatan mereka, kemampuan untuk menjelaskan secara logik pandangan pengurusannya rendah sekali. Ciri yang ditunjukkan ialah tidak banyak mencari maklumbalas, tidak mampu memberi dorongan kepada orang lain, untuk maju dalam kerja, dan sukar berkongsi tugas. Guru novis yang tidak cukup memahami motivasi manusia dan gaya kepimpinannya kuno, tidak sesuai, tidak manusiawi di terhambat oleh tidak adanya pemahaman pengurusan.

9. Kemampuan Penyeliaan Yang Rendah

-

Seseorang guru novis adalah pengurus berkesan menuntut banyak ketrampilan yang dapat digambarkan sebagai ketrampilan penyeliaan tugas. Pembaziran waktu dan kaedah kerja yang tidak efektif membuat orang puas dan bekerja di bawah standard kualiti. Kecenderungan seperti ini ialah kerana tugas dan peranan tidak dirumuskan dengan baik, sistem kerja yang membazir, dan kelemahan hubungan. Seorang pengurus yang tidak memiliki ketrampilan praktis untuk mencapai hasil melalui usaha orang lain terhambat kerana ketrampilan penyeliaan tugas yang rendah.

10. Kemampuan Melatih Yang Rendah

- Setiap guru novis juga berperanan sebagai jurulatih. Tanpa ketrampilan melatih, seorang guru itu tidak dapat mendorong orang lain mencapai standard yang dituntut dan tidak dapat membantu mereka mengembangkan diri. Guru novis yang tidak memiliki kemampuan membantu orang lain berkembang, terhambat oleh ketidakmampuan melatih.

11. Kurang Mampu Membina Pasukan

-

Untuk mencapai sasaran bersama, seorang guru novis harus bekerjasama dengan orang lain. Kerana sikap stereotaip, seseorang guru novis mungkin tidak berbuat apa pun untuk mendorong kelompok atau anggota kelompok untuk berkembang. Dan jika ia tidak mampu mengembangkan orang menjadi satu pasukan yang kuat tidak tercipta suasana positif atau prosedur kerja berkesan kerana guru tersebut tersebut terhambat oleh ketidakmampuan membina pasukan.

Cadangan

- Guru novis perlu mengubah sikap dan mentaliti mereka untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka, guru perlu meluaskan pengetahuan mereka, tindakan yang berstrategik perlu diambil oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan guru cemerlang berada di tahap profesionalisme yang sewajarnya, mempertingkatkan kerjasama antara guru novis dan guru pakar serta yang paling utama ialah guru pakar perlu berusaha mengekalkan profesionalisme dan menggalakkan lebih ramai guru untuk menjawat jawatan guru pakar.

Cadangan

- Bagi meningkatkan profesionalisme keguruan, para guru seharusnya memiliki pengetahuan yang harus diperolehi dalam pelbagai bidang tidak hanya khusus dalam subjek yang diberikan kepadanya sahaja. Bagi mencapai hasil yang cemerlang dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran itu seseorang guru cemerlang itu perlu mempunyai **pengetahuan yang luas dalam pelbagai bidang pendidikan**. Salah satu caranya ialah dengan **menyertai kursus-kursus** dalam perkhidmatan yang secara langsung akan dapat memperluas ilmu pengetahuan serta kemahiran para guru (Ee Ah Meng 1998).

Cadangan

- Golongan guru khususnya guru novis disaran mempertingkatkan usaha meneroka ilmu pengetahuan supaya mereka menjadi **guru yang kreatif, inovatif dan bermotivasi** sekali gus mengangkat martabat profesi keguruan supaya sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat. Usaha mencari ilmu sebagai tuntutan profesional akan membantu guru novis melangkapkan diri mereka dengan sifat mulia seperti **berdisiplin, istiqamah, mempunyai peribadi luhur dan berdaya maju**

Cadangan

- Guru novis juga perlu berusaha meningkatkan daya kreativiti dan mencari jalan terbaik untuk **menarik minat pelajar**. Daya kreativiti ini bermaksud kemampuan mereka mencipta strategi yang meliputi aspek seperti pemilihan alat serta bahan bantu pengajaran, aktiviti dan juga kaedah pengajaran yang diminati pelajar. Dengan itu kualiti pengajaran dapat dipertingkatkan dan ini turut memberikan kesan yang positif kepada proses P&P dalam bilik darjah.

Cadangan

- Bagi menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh guru novis, mereka di saran supaya memiliki banyak **ilmu** serta **kemahiran**, bukan sahaja dari segi pengajaran tetapi juga aspek lain seperti **berkomunikasi**, seiring dengan perkembangan semasa. Guru novis memperbanyakkan komunikasi dengan ibu bapa dan masyarakat, bukan hanya bertumpu kepada pelajar, kerana semua itu saling berkait dalam membantu menentukan kecemerlangan pendidikan negara.

Cadangan

- Guru-guru novis juga disaran mengamalkan **budaya dan etika kerja** cemerlang secara berterusan di samping menghayati ciri-ciri murni membabitkan antaranya aspek disiplin, tanggungjawab dan sikap sentiasa mengutamakan **penampilan diri** yang positif di samping bijak dalam **menangani masalah bebanan tugas**.

Cadangan

- Justeru, bagi guru novis perlu menggilap lagi **bakat dan potensi** mereka perlu juga diadakan supaya kecemerlangan mereka dapat ditingkatkan secara konsisten. Mereka perlu didedahkan dengan **perkembangan pendidikan** semasa serta program-program baru yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan dan haruslah dimanfaat oleh semua warga pendidik khususnya bagi mengembangkan kemahiran guru-guru baru.

Penutup

- Guru yang profesional sentiasa mempamerkan ciri-ciri kekuatan ilmu dan bertingkah-laku dengan keluhuran etika kerja serta menuntut kefahaman yang jelas dan mendalam, kesungguhan dan komitmen yang tinggi kepada penyempurnaan tugasannya di sekolah setiap masa dan waktu. Guru yang berjiwa waja tidak mudah mengaku kalah dalam kehidupan kerjayanya di sekolah, dan mempunyai sikap optimistik dalam semua tindakan, serta sedia belajar dari kesilapan dan kelemahan.